

# Mampu capai perolehan RM1 juta

## 300 koperasi sekolah menengah berpotensi jana pendapatan

ROSHILA MURNI ROSLI

JITRA

**S**ebanyak kira-kira 300 koperasi sekolah menengah di negara ini berpotensi mencapai pendapatan melebihi RM1 juta setahun dalam tempoh lima tahun akan datang.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia berdasarkan kemampuan koperasi berkenaan mempelbagaikan aktiviti untuk meningkat-

kan perolehan tahunan mereka.

Setakat ini, katanya, enam koperasi Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sebuah kolej vokasional digelar sebagai koperasi jutawan selepas memperoleh pendapatan lebih RM1 juta setahun.

"Antara MRSM berkenaan MRSM Taiping, MRSM Tun Abdul Razak (Pahang), MRSM Kepala Batas (Pulau Pinang), MRSM Kubang Pasu (Kedah), MRSM Batu Pahat Berhad (Johor) dan Kolej Vokasional Tanah Merah (Kelantan)," katanya, kepada media di Majlis Perasmian Sudut Laman Angkasa Sempena Program Penghargaan 'Coop Care' Kepada Koperasi Sekolah Yang Mencapai Perolehan 1 Juta di Maktab Rendah Sains Mara, Kubang Pasu, di sini semalam.



Pengerusi Koperasi MRSM Kubang Pasu, Siti Nur Adila Had (dua, kiri) menerima simbolik penyerahan Sudut Laman Angkasa daripada Abdul Fattah (tiga, kanan).

Menurutnya, sesebuah koperasi sekolah dapat berkembang pesat dengan mempelbagaikan aktiviti perniagaan dan tidak ter-

tumpu kepada aktiviti tradisional sahaja.

"Antara perniagaan yang memberi pulangan lumayan adalah perkhid-

matan gunting rambut, dobi layan diri dan pertanian," katanya.

Abdul Fattah berkata, koperasi sekolah jutawan

### info

- Enam koperasi MRSM dan sebuah kolej vokasional digelar koperasi jutawan
- Koperasi sekolah perlu pelbagaikan aktiviti perniagaan

juga dapat direalisasikan melalui kerjasama erat antara sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Ibu bapa yang berkemampuan boleh menggalakkan anak-anak mereka meningkatkan pelaburan dalam koperasi.

"Melalui pelaburan ini koperasi berupaya untuk menjalankan perniagaan dalam skala yang besar dan mencapai perolehan yang disasarkan," katanya.